

25 MAR 1997

PARLIMEN:EMPAT SOALAN TAMBAHAN KEPADA PM DAN TIGA KEPADA TPM

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Anggota-anggota Parlimen berpeluang mengemukakan empat soalan tambahan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan tiga soalan tambahan kepada Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim apabila Dewan Rakyat mula bersidang hari ini.

Bagaimanapun, peraturan bahawa hanya dua soalan tambahan boleh dikemukakan kepada soalan asal yang dijawab oleh menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen masih dikekalkan.

"Peluang mengemukakan soalan-soalan tambahan yang lebih banyak kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sememangnya dinanti-nantikan oleh anggota-anggota Parlimen," kata beberapa anggota Parlimen yang ditemui Bernama selepas mesyuarat pra-majlis persidangan Dewan Rakyat untuk wakil-wakil Barisan Nasional (BN) yang dipengerusikan Anwar, di Bangunan Parlimen di sini hari ini.

Sebelum ini, anggota-anggota Parlimen hanya dibenarkan mengemukakan dua soalan tambahan kepada soalan asal yang dikemukakan kepada anggota pentadbiran kerajaan, termasuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Anggota-anggota Parlimen yang ditemui berpendapat peluang mengemukakan lebih banyak soalan tambahan memberi peluang mereka mendapatkan jawapan lebih terperinci kepada sesuatu masalah yang dibangkitkan di Dewan Rakyat dan dijawab oleh kedua-dua pemimpin tertinggi kerajaan itu.

"Dengan ini kehadiran Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri di Dewan Rakyat akan dapat dimanfaatkan oleh lebih ramai anggota untuk mengemukakan soalan," kata seorang anggota Parlimen yang enggan dikenali.

Seorang lagi anggota Parlimen berkata, sebelum ini mereka tidak berpuas hati kerana tidak dapat mengemukakan soalan kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri memandangkan peraturan yang ada hanya membenarkan dua anggota berbuat demikian. -- BERNAMA

AH NAK